

2 anak Orang Asli bukti kejayaan

Kuala Nerus: Status sebagai anak Orang Asli tidak menjadi penghalang kepada dua penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), di sini, untuk menamatkan pengajian seterusnya menerima Ijazah Sarjana Muda pada majlis Konvokesyen ke-7 di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Gong Badak, semalam.

Wah Tiza Uda, 24, jurusan ISM Sains Komputer dan Roshanila Hong Chiang, 23, jurusan Perakaunan menerima ijazah masing-masing yang disampaikan Pro Canselor UniSZA Tan Sri Datuk Dr Mohamad Yusof Mohamed Nor.

Wah Tiza berkata, kejayaannya itu membuktikan status sebagai anak Orang Asli tidak menjadi penghalang untuk dia mencapai kejayaan dan memiliki segulung ijazah.

"Hari ini paling mengembirakan dan saya sangat berbangga dengan kejayaan diperoleh kerana ia membuka mata ramai orang termasuk pencetus semangat untuk anak Orang Asli untuk

berjaya dalam pelajaran. "Paling penting kita mesti mempunyai ke-sungguhan, minat mendalam dan tidak mudah berputus asa, kejayaan pasti akan dapat digenggam walaupun dari mana asal kita," katanya yang juga Orang Asli Semai di Batang Padang, Perak.

Wah Tiza Uda

Roshanila pula berkata, ijazah diterimanya itu cukup bermakna kerana dia pelajar kedua dari kampongnya berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti.

"Saya berasa bersemangat apabila melihat saudara melanjutkan pelajaran ke universiti sebelum ini seterusnya terdorong untuk mengikut jejak langkahnya," katanya yang kini berkerja sebagai eksekutif akauntan di sebuah syarikat swasta.



WAH Tiza dan Roshanila gembira bersama ijazah diterima.